

OpenLab 5G bangunkan potensi 5G

CYBERVIEW Sdn Bhd (Cyberview) dan Digi Telecommunications Sdn Bhd (Digi) berkolaboratif dengan memperkenalkan sebuah makmal kerjasama bertenaga 5G di Cyberjaya yang dikenali sebagai OpenLab 5G.

Makmal yang terletak di RekaScape Cyberview itu akan berfungsi sebagai ruang penyelesaian teknologi dan inovasi baharu dengan Digi dan rakan teknologinya, ZTE.

Ketua Eksekutif Pejabat Digi, Albern Murty berkata, makmal berkenaan memberi peluang kepada peserta terpilih untuk menjalankan ujian percubaan dan prototaip daripada sambungan berkelajuan tinggi, jalur lebar besar dan sambungan *latency* ultra-tinggi 5G dalam persekitaran yang dikawal secara langsung.

“OpenLab 5G akan memberi inspirasi kepada banyak penginovasi untuk belajar, berkongsi dan bergabung bagi membina penyelesaian kepada generasi akan datang.

“Kami berbesar hati menjadi rakan kongsi Cyberview untuk mewujudkan ruang yang memudahkan pendekatan



Najib (kiri) dan Albern di hadapan OpenLab 5G pertama Malaysia di Rekascape, Cyberjaya.

kolaboratif untuk membangunkan potensi ekosistem 5G negara,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Urusan Cyberview, Najib Ibrahim berkata, pembukaan ruang berkenaan sangat menarik untuk pembangunan 5G di Malaysia, khususnya Cyberjaya.

“Makmal ini menawarkan peluang kepada penginovasi dan ahli akademik tempatan untuk menguji, sekali gus mengeratkan perkhidmatan dan produk mereka dalam persekitaran ujian yang sebenar.

“Kami percaya apa yang

dilakukan bersama Digi adalah langkah penting ke arah mewujudkan platform untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS), *startup* dan penginovasi untuk mempercepat serta meletakkan kedudukan mereka di hadapan,” katanya.

Difahamkan, makmal berkeluasan 1,102 kaki persegi itu akan dibuka dibuka pada 1 Oktober 2019.

Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Penyelidikan Kerjasama Kejuruteraan, Sains dan Teknologi (CREST) akan menjadi entiti pertama yang menggunakannya.